

Tahap kebolehkerjaan dalam kalangan pelajar TVET

UB 1.0.2010 B3

MINDA PENDIDIK

Oleh PROF. MADYA DR. ABDUL SAID
AMBOTANG & GHAZALI SULAIMAN

KEBOLEHKERJAAN adalah salah satu perkara yang perlu dimiliki oleh setiap individu. Kebolehkerjaan yang dimaksudkan adalah seperti mampu berfikir secara kreatif dalam menghasilkan sesuatu yang baharu dan kritis dalam menyelesaikan sesuatu masalah, mampu menguasai kemahiran berkomunikasi dengan baik seperti dalam Bahasa Melayu di samping Bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain di dunia.

Selain itu juga kebolehkerjaan juga merujuk kemampuan menguasai kemahiran vokasional yang diperlukan khususnya dalam kalangan pelajar Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dan mampu menguasai elemen keusahawanan yang diperlukan, serta menguasai pengetahuan berkaitan Teknologi Maklumat

dan Komunikasi (TMK) serta dapat mengaplikasikannya sejajar dengan perkembangan semasa, dapat bekerjasama dalam kumpulan, dapat membuat pertimbangan dalam membuat keputusan dan dapat mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat sama ada untuk kehidupan, pekerjaan dan juga pendidikan.

Kesemua elemen penting yang dinyatakan ini adalah menurus kepada kebolehkerjaan yang perlu dimiliki oleh setiap pelajar atau individu terutamanya yang mengambil program TVET. Dibekalkan dengan adanya kebolehkerjaan dalam diri pelajar tersebut, sudah tentu dapat memberi kesan yang positif sama ada untuk melanjutkan pengajian ke tahap seterusnya atau pun berada di alam pekerjaan kelak.

Menyentuh berkaitan seperti kemampuan berkomunikasi, dapat berfikir secara kreatif dan kritis, berkepimpinan, dapat menyelesaikan satu-satu masalah yang dihadapi dan sebagainya

yang bersangkutan paut dengan kebolehkerjaan itu sendiri akan memberi impak yang baik kepada seseorang individu kerana kajian yang dibuat oleh para pengkaji lepas mendapati kebolehkerjaan ini diperlukan dalam kalangan graduan bagi membolehkan mereka mendapatkan kerja, maju dalam dunia pekerjaan dan bertahan dalam dunia pekerjaan.

Sehubungan itu, bagi menghasilkan individu yang berkualiti sudah tentunya merujuk daripada tempat individu tersebut memperoleh pengetahuan dan kemahiran. Ini menunjukkan tenaga pengajar yang memberi ilmu dan kemahiran harus sentiasa menitikberatkan kebolehkerjaan. Ini bersandarkan dapatan daripada beberapa kajian terdahulu bahawa pengurusan institusi yang baik akan dapat menghasilkan produk yang berkualiti dan mampu mencapai objektif organisasi yang telah ditetapkan. Oleh itu, dengan penghasilan produk berkualiti

ini akan berupaya menjana tenaga kerja yang menguasai kemahiran teknikal serta mempunyai kebolehkerjaan yang tinggi.

Kesemua aspek kebolehkerjaan ini adalah penting dikuasai pelajar atau individu untuk lebih berketerampilan dalam persediaan kerjaya dan secara langsung dapat menetapkan objektif organisasi yang ditetapkan agar setiap pekerja tersebut memiliki kebolehkerjaan. Hal ini selari dengan kajian-kajian penyelidik lepas yang meletakkan elemen komunikasi dan interpersonal yang perlu dikuasai oleh setiap individu di samping meletakkan elemen kerja berpasukan yang merupakan elemen perlu dikuasai oleh pelajar selain dari kualiti peribadi dan pengurusan diri. Kesemua aspek dan inti pati kajian ini menurus kepada kebolehkerjaan yang perlu dimiliki oleh setiap individu.

Dapatan dari kajian-kajian lepas juga secara jelas

menunjukkan bahawa sama ada dari aspek kemahiran berfikir, berkomunikasi dan menyelesaikan masalah, kesemuanya menurus kepada ciri kebolehkerjaan dan ada sebilangan besar pengkaji yang menilai tahap kebolehkerjaan kebanyakan pelajar berada pada tahap sederhana tinggi. Tidak kurang juga pengkaji yang mendapati tahap kebolehkerjaan pelajar melalui penilaian majikan lebih rendah berbanding penilaian pelajar. Selain itu, majikan menyarankan agar graduan institusi pengajian tinggi perlu sentiasa ditingkatkan dari segi penguasaan kebolehkerjaan bagi memenuhi prospek permintaan pasaran kerja pada masa akan datang.

Justeru itu, tahap penguasaan kebolehkerjaan pelajar TVET harus sentiasa ditingkatkan dan diberi keutamaan dari semasa ke semasa bagi memenuhi permintaan kerja pada masa akan datang. Ini menunjukkan pembangunan kebolehkerjaan pelajar TVET

harus ditingkatkan lagi dari segi pelaksanaannya sama ada untuk pelajar tersebut menyambung pengajian ke tahap seterusnya atau melengkapkan diri sebagai tenaga mahir atau separuh mahir bagi memenuhi keperluan industri pada masa akan datang.

Ia agar tahap kebolehkerjaan pelajar ini perlu sentiasa berada di landasan yang diperlukan terutamanya dari aspek penguasaan berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris kerana bahasa ini merupakan bahasa antarabangsa yang memerlukan seseorang individu itu menguasainya dengan baik agar kebolehkerjaan dapat ditonjolkan kerana bahasa ini merupakan bahasa global dan digunakan dalam pelbagai bidang perniagaan khususnya pada peringkat antarabangsa.

** Penulis adalah pensyarah kanan dan pelajar pascasiswazah di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, UMS*